

D305

U B726 AAB
MAHATHIR - ISLAM

(I)

ALOR SETAR, 19 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA DUNIA ISLAM BOLEH MENGATASI CABARAN YANG DIHADAPINYA JIKA SELURUH MASYARAKAT ISLAM ANTARABANGSA MENGAMBIL TINDAKAN MENYELURUH. PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN DALAM PERUTUSANNYA PADA PROGRAM CENDERAMATA SEMPERA HONGRES KEDUA PUSTAKAWAN DAN SAINTIS PENERANGAN ISLAM (COMLIS) DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) DEKAT SINI MULAI ESOK.

BELIAU BERKATA FORUM ITU MERUPAKAN LANGKAH POSITIF BAGI MASYARAKAT ISLAM KINI YANG MENGHADAPI PELBAGAI CABARAN.

KATANYA, TEMA FORUM +PENGGUNAAN MAKLUMAT DALAM DUNIA ISLAM+ MENUNJUKKAN BETAPA PENTINGNYA PERANAN MAKLUMAT PADA ZAMAN SEKARANG SERTA PERLUNYA MASYARAKAT ISLAM MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH BERKESAN KE ARAH PENGGUNAANNYA, DEMI MEMANFAATKAN DUNIA ISLAM. -- LAGI

1513MST 19 10 86

D306

U B727 AAB
MAHATHIR - ISLAM : ALOR SETAR

(I)

DALAM PERUTUSANNYA, MENTERI PELAJARAN ENCIK ANWAR IBRAHIM BERKATA BELIAU PERCAYA FORUM SEUMPAMA ITU BOLEH MEMBERI SUMBANGAN POSITIF KE ARAH PELAKSANAAN PROGRAM SOSIO-EKONOMI, PELAJARAN DAN AGAMA NEGARA-NEGARA ISLAM.

BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA ISLAM PERLU BERKONGSI SUMBER-SUMBER MANUSIA DAN PENGALAMAN DEMI KEPENTINGAN UMMAH PADA KESELURUHANNYA.

WALAU PUN JAWATANKUASA PENGANJUR SUKAR MENDAPATKAN SOKONGAN DAN KERJASAMA NEGARA DAN AGENSI ISLAM, ENCIK ANWAR YAKIN COMLIS PADA MASA AKAN DATANG AKAN MENDAPAT SOKONGAN PADU DARI NEGARA ISLAM.

PENGARAH PUSAT BACI DASAR DAN KAJIAN EAST-WEST UNIVERSITY, CHICAGO, DR ZIAUDDIN SARDAR AKAN MENYAMPAIKAN UCAPAN DASARNYA PADA FORUM ITU.

LEBIH 150 PUSTAKAWAN DAN SAINTIS PENERANGAN DARI 22 NEGARA ISLAM DAN BUKAN ISLAM AKAN MENYERTAI FORUM ITU. -- LAGI

1515MST 19 10 86

D307

U B728 AAB
MAHATHIR - ISLAM : ALOR SETAR

(I)

PENGERUSI JAWATANKUASA PENGANJUR COMLIS DR OLI MOHAMED BERKATA NEGARA-NEGARA ITU IALAH INDONESIA, BRUNEI DARUSSALAM, SINGAPURA, BAHRAIN, BANGLADESH, INDIA, LIBYA, NIGERIA, PAKISTAN, CHINA, ARAB SAUDI, SENEGAL, TUNISIA, SUDAN, IRAN, THAILAND, TURKI, AMERIKA SYARIKAT, SRI LANKA, UGANDA, UNITED KINGDOM DAN MALAYSIA.

DR OLI YANG JUGA PETUA PUSTAKAWAN UUM BERKATA 18 KERTAS KERJA AKAN DIBENTANGKAN PADA FORUM ITU. -- BERNAMA

1516MST 19 10 86